

16 NOV 1999

Samy-Tangguh

MIC TANGGUH PENGUMUMAN SENARAI SEHINGGA KELULUSAN DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 16 Nov (Bernama) -- MIC menangguhkan pengumuman senarai bakal calonnya bagi pilihan raya umum 29 Nov ini, sehingga mendapat kelulusan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu sebelum ini dijadualkan membuat pengumuman itu pada 3 petang ini di ibu pejabat MIC di hadapan 120 ketua bahagian dan anggota Jawatankuasa Kerja Pusat parti itu.

Ketika bercakap kepada pemberita di luar perkarangan Jabatan Perdana Menteri di sini, Samy Vellu berkata beliau telah mengemukakan nama-nama bakal calon parti itu kepada Perdana Menteri di sini hari ini.

"Bagaimanapun oleh kerana Dr Mahathir belum lagi memutuskan senarai calon MIC itu, ia belum boleh diumumkan," kata beliau selepas pertemuan selama setengah jam dengan Dr Mahathir.

Samy Vellu berkata beliau akan menunggu kelulusan Dr Mahathir sebelum mengumumkan senarai berkenaan.

Ketika ditanya berapa peratus muka baru yang dikemukakan oleh MIC kepada Dr Mahathir, Samy Vellu berkata: "Itu saya tak mahu bincang lagi. Kita tunggu sampai PM beri kelulusan."

Beliau berkata sehingga ini beliau tidak dapat mengesahkan bilangan penyandang anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada MIC yang akan digugurkan ataupun ditukar.

"Kalau Dr Mahathir tidak setuju dengan senarai calon MIC, apa yang saya nyatakan dahulu tidak betul," kata beliau, merujuk kepada kenyataannya sebelum ini bahawa MIC akan mengemukakan empat muka baru bagi kawasan Parlimen dan 50 peratus lagi bagi kerusi DUN.

MIC diperuntukkan tujuh kawasan Parlimen dan 15 kawasan DUN untuk ditandingi.

Kerusi Parlimen itu ialah Sungai Siput dan Tapah (Perak), Hulu Selangor, Kapar dan Subang (Selangor), Teluk Kemang (Negeri Sembilan) dan Segamat (Johor).

Kerusi DUN pula ialah Ijok, Kota Raja dan Sungai Tua (Selangor), Hutan Melintang, Sungkai dan Pasir Panjang (Perak), Pasir Gudang dan Tenggara (Johor), Sabai (Pahang), Jeram Padang dan Sirusa (Negeri Sembilan), Bukit Selambau dan Lunas (Kedah), Prai (Pulau Pinang) dan Bukut Asahan (Melaka).

-- BERNAMA

AFY ES NMO